

30/01/2000

Bahagian khas penerangan dirombak

BANGI: Bahagian Khas Jabatan Penerangan akan disusun semula untuk menjadikannya bahagian yang bertanggungjawab menangani pelbagai fitnah dan pembohongan.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata bahagian itu juga bertanggungjawab menangani hal membabitkan agama dan menjelaskan isu semasa berkaitan dasar kerajaan.

Beliau berkata, ketika ini Jabatan Penerangan mempunyai bahagian dan pegawai penerangan yang bertanggungjawab memberi penjelasan mengenai dasar kerajaan dan mengumpulkan maklum balas orang ramai.

Bagaimanapun, katanya, jabatan tidak mempunyai bahagian atau pegawai yang boleh menjawab dan menjelaskan isu dan pelbagai perkara dibangkitkan oleh masyarakat umum.

Justeru, amat penting bagi jabatan mewujudkan kumpulan yang mampu menjelaskan secara nyata maklumat dikumpulkan, isu dibangkitkan dan sebarang berita yang sengaja diselewengkan.

"Bahagian khas itu akan dianggotai pegawai khas Jabatan Penerangan sedia ada yang terlatih dan mampu menjawab serta menjelaskan isu dibangkitkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pelajar Perhubungan Awam 2000 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Khalil berkata, jabatan itu memerlukan satu kumpulan pegawai terlatih dalam pelbagai bidang untuk menjawab pelbagai isu ditimbulkan.

Sebagai contoh, katanya, penyebaran surat kononnya ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak, Malaysia mahu menjalin hubungan diplomatik dengan negara itu dapat dikumpulkan tetapi pegawai penerangan tidak tahu bagaimana menjawabnya dan memberi penjelasan berhubung perkara itu.

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata, penjelasan dan penerangan oleh pucuk pimpinan dan anggota pentadbiran kerajaan seperti dilakukan sekarang tidak memadai.

Katanya, masih ada pelbagai cerita dan penyelewengan maklumat disebarkan termasuk menerusi laman web di kalangan masyarakat umum belum dapat ditangani.

(END)